

Spektrum @ PSN

Apa yang menarik bulan ini?

Perkhemahan Kelab Doktor Muda Beri Motivasi Kepada Pelajar Meminati Bidang Sains

1



Program 'Giant Bubbles' Inisiatif Terbaru Unit Pendidikan PSN

2

Festival Sports & Spinach 2 Bakal Jadi Tarikan Pada Cuti Sekolah

2

Sana-sini PSN

3

Info Sains

3

Program menarik akan datang

4

Judul buku untuk bulan ini

4

Jom kenali bahan pameran

4

Sebarang pertanyaan atau maklumbalas boleh menghubungi:

Pusat Sains Negara
Kementerian Sains,
Teknologi dan Inovasi,
Persiaran Bukit Kiara,
50662 Kuala Lumpur

T : 03 2089 3400 F : 03 2089 3401

W : www.psn.gov.my

Fb : [fb.com/PusatSainsNegara](https://www.facebook.com/PusatSainsNegara)

PERKHEMAHAN KELAB DOKTOR MUDA BERI MOTIVASI KEPADA PELAJAR MEMINATI BIDANG SAINS

Pusat Sains Negara: Pada 26 dan 27 April yang lalu, satu perkhemahan telah dianjurkan oleh Kelab Doktor Muda Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Klang. Perkhemahan ini telah dikendalikan oleh kakitangan Pusat Sains Negara dengan mendapat kerjasama daripada guru-guru sekolah tersebut. Seramai 80 orang ahli kelab ini telah menyertai perkhemahan selama 2 hari yang bertempat di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur.

Matlamat utama pengajuran perkhemahan ini adalah untuk meningkatkan minat dan pengetahuan mereka dalam bidang sains serta kemahiran-kemahiran lain melalui aktiviti perkhemahan yang djalankan. Pelbagai aktiviti yang dirancang telah berjaya dilaksanakan antaranya program Science Show, Keajaiban Sains, Camp Fire, Biotek, Jejak-jejak Sains dan eksplorasi galeri. Kesemua peserta begitu teruja dan seronok menyertai aktiviti-aktiviti tersebut. Ini juga secara tidak langsung memberikan mereka pengalaman serta keseronokan menerokai dunia sains dan teknologi.



Perkhemahan ini telah diakhiri dengan majlis penutup yang dihadiri oleh Pengarah Pusat Sains Negara, Prof. Madya Dr. Irmawati Ramli serta Guru Besar Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, En. Mohamad Tamyes bin Sujak.

PROGRAM 'GIANT BUBBLES' INISIATIF TERBARU UNIT PENDIDIKAN PSN

Unit Pendidikan Pusat Sains Negara telah menawarkan satu program baharu iaitu 'Giant Bubbles'. Program interaktif secara hands-on ini telah diperkenalkan pada awal tahun khusus untuk pengunjung yang datang secara 'walk-in' ke Pusat Sains Negara.

Program 'Giant Bubbles' merupakan salah satu contoh inovasi dalam penghasilan buih sabun gergasi kerana buih yang dihasilkan adalah daripada bahan makanan iaitu tepung sagu selain penggunaan cecair pencuci pinggan.

Tujuan utama program ini diperkenalkan adalah sebagai salah satu bentuk inisiatif dalam mempelbagaikan lagi aktiviti yang dianjurkan di Pusat Sains Negara. Selain itu, pengunjung juga dapat mempelajari tentang konsep surface tension semasa penghasilan buih sabun. Secara tidak langsung mereka juga dapat mengetahui kesesuaian persekitaran dari aspek kelembapan udara, suhu dan kelajuan angin dalam menghasilkan buih sabun yang besar dan menarik.

Diharapkan semoga program ini dapat menjadi satu daya tarikan terbaru kepada pengunjung yang datang ke Pusat Sains Negara. Pastinya, mereka akan teruja sekiranya berjaya menghasilkan buih sabun yang bersaiz gergasi.



FESTIVAL SPORTS & SPINACH 2 BAKAL JADI DAYA TARIKAN PADA CUTI SEKOLAH

Pusat Sains Negara akan menganjurkan Festival Sports & Spinach buat kali kedua selepas berjaya melaksanakan festival seumpamanya pada cuti sekolah bulan Mac yang lalu. Festival ini akan diadakan pada musim cuti sekolah mulai 1 - 9 Jun 2013 bertempat di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur.

Tema bagi festival kali ini ialah *Food, Health & You*. Festival ini bakal membawa banyak aktiviti berunsur sukan, makanan dan kesihatan untuk semua peringkat umur termasuk pelajar tadika, sekolah rendah, sekolah menengah serta dewasa.

Antara aktiviti menarik yang dirancang untuk diadakan ialah Pertandingan Gusti Lengan, Pertandingan Permainan Tradisional, Treasure Hunt, Jump For Heart, MOB Exercise, Musical Science Show dan demonstrasi memasak oleh chef selebriti.

Matlamat utama penganjuran festival ini adalah untuk menyemai gaya hidup sihat melalui aktiviti sukan dan pemakanan. Di samping itu, festival ini juga dapat menarik minat golongan muda untuk melibatkan diri dalam aktiviti riadah dalam usaha memupuk generasi yang sihat dan cergas.

Oleh itu, jangan lepaskan peluang untuk hadir bagi memeriahkan festival ini kerana bayaran masuk adalah percuma kecuali ke pameran bertema *Sports & Spinach*.

SANA-SINI PSN

**PROGRAM
PROFESSIONAL
DEVELOPMENT**

3-5 April 2013
Keningau, Sabah

KURSUS PEMBELAJARAN
SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
UNTUK PENDIDIK TAHUN 2013
KOLABORATIF BERSAMA PUSAT SAINS NEGARA

3-5 APRIL 2013

**(UNIT OUTREACH)
PROGRAM SCIENCE 4U**

6 April 2013
Kuching, Sarawak
27 April 2013
Kota Marudu, Sabah

**PAMERAN
PUSAT SAINS NEGARA
DI
KARNIVAL SMART KIDS 2013**

19-21 April 2013
PWTC
Kuala Lumpur

**INFO SAINS****»TAHUKAH ANDA?**

Jantung anda berdegup kira-kira

100,000 kali sehari,

36,500,000 kali setahun,

dan lebih berbilion kali jika anda

hidup lebih daripada 30 tahun.

PROGRAM MENARIK AKAN DATANG

PAMERAN SPORTS & SPINACH

22 Disember 2012 - 31 Ogos 2013
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

PROGRAM MEET THE SCIENTIST

22 Mei 2013
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur


FESTIVAL SPORTS & SPINACH II

1-9 Jun 2013
Pusat Sains Negara,
Kuala Lumpur

PAMERAN 1001 INVENTIONS

Jun 2013
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

JUDUL BUKU UNTUK BULAN INI



MIND FORCE ON HUMAN ATTRACTIONS

Buku ini merungkai perhubungan antara gen dan molekul, neuron dan hormon, pemikiran dan bahasa, masyarakat dan organisasi dalam membentuk satu aliran perhubungan interaksi yang serentak. Pertembungan interaksi ini membentuk rangkaian yang dinamik daripada molekular kepada biologikal, seterusnya kepada kognitif dan sosial. Minda, otak, badan dan masyarakat muncul daripada aliran yang sama melalui persekitaran yang kompleks.

★ SPINNING TOP ★



FUNGSI

Bahan pameran ini menunjukkan konsep daya memusat. Objek akan tertumpu ke arah tengah bulatan apabila diputarkan.